



NAZA TTDI

SIARAN AKHBAR  
Untuk Siaran Segera

## **PM NAJIB TUN RAZAK HADIAHKAN IMBUHAN KEPADA AZIZULHASNI AWANG SEMPENA KEJAYAANNYA DI KEJOHANAN BERBASIKAL TREK DUNIA 2017**

**PUTRAJAYA, 19 Mei 2017** – Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Najib Tun Razak hari ini telah menghadihkan REPLIKA KAD AKSES bagi satu unit suite kediaman di Trion 888 SoHo kepada Johan Keirin Dunia, Azizulhasni Awang, dalam sebuah majlis yang diadakan di Seri Perdana. Trion 888 merupakan projek pembangunan Naza TTDI Sdn Bhd.

“Kami ingin mengucapkan tahniah kepada Azizul diatas kejayaannya baru-baru ini di peringkat dunia. Sebagai syarikat tempatan yang mempunyai komitmen dalam bidang sukan, kami sukacita kerana dapat memainkan peranan dalam menyumbangkan imbuhan kepada pelumba basikal negara diatas kejayaannya yang amat membanggakan,” kata SM Nasarudin SM Nasimuddin, Pengerusi Kumpulan Naza TTDI.

Trion 888 terletak di Equine Park, Seri Kembangan. Dengan harga RM350,000, suite kediaman ini berkeluasan 450 kaki persegi dan kemudahan lengkap termasuk kolam renang, bilik serbaguna, gymnasium, bilik persalinan, lif, kemudahan mendobi dan surau. Projek ini dijangka siap pada hujung 2017.

TAMAT

---

### **MENGENAI NAZA TTDI**

*Naza TTDI Sdn Bhd, cabang hartanah bagi Naza Corporation Holdings Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 1973. Sebahagian daripada nama syarikat diambil daripada Taman Tun Dr Ismail, kawasan perbandaran pemenang anugerah yang pertama dibangunkan. Dengan lebih 15,000 unit kediaman dan bangunan komersil yang telah disiapkan di Selangor, Naza TTDI merupakan antara pemaju swasta yang terbesar di Malaysia.*

*Syarikat juga telah memperluaskan portfolio hartanahnya dengan memajukan projek berimpak tinggi seperti KL Metropolis, pembangunan campuran bersepadu bersepadu di Jalan Duta. Platinum Park bernilai RM4 billion pula merupakan projek pembangunan utama Naza TTDI yang terletak di pusat bandar Kuala Lumpur. Naza TTDI juga merupakan penerima anugerah Asia Pacific Property Award, Cityscape Asia, FIABCI, ISO Certification MS9001:2008 dan QLASSIC Certification. Untuk maklumat lanjut, layari [www.nazattdi.com](http://www.nazattdi.com). Untuk maklumat lanjut mengenai Naza Corporation Holdings, layari [www.naza.com.my](http://www.naza.com.my).*

### **Untuk Naza TTDI, sila hubungi:**

Woo Siew Chin

Telefon/Emel: +6016 3237050 / [siewchin.w@nazattdi.com](mailto:siewchin.w@nazattdi.com)